

Hasil Ujian Risiko Tinggi Atau Rendah

Apabila spesimen telah dikaji dan hasil ujian telah diperolehi, satu di antara perkara berikut akan berlaku:

Hasil ujian bayi anda Negatif untuk kesemua penyakit-penyakit metabolik.

Lebih dari 99 peratus bayi tergolong dalam kategori ini. Ia bermakna bahawa bayi anda mempunyai risiko rendah untuk mengalami penyakit-penyakit tersebut. Hasil ujian akan disimpan dalam rekod perubatan bayi anda. Kadang-kala penyakit metabolismik mungkin tidak dapat dikesan sewaktu pemeriksaan.

Spesimen ulangan diperlukan.

Spesimen kedua diperlukan pada kira-kira 1 dalam 1000 bayi. Ia biasanya diperlukan kerana spesimen pertama menunjukkan hasil ujian yang berada di garis batas, bermakna bahawa ia tidak boleh ditentukan sama ada ada sesuatu masalah wujud atau tidak. Anda akan dihubungi supaya spesimen darah bayi anda boleh diambil lagi.

Hasil ujian bayi anda Positif untuk salah satu kondisi

Hasil ujian yang positif tidak semestinya bermakna bahawa bayi anda menghidapi penyakit. Ia hanya bermakna bahawa ujian lanjut harus dilakukan. Anda akan dihubungi untuk berjumpa dengan doktor metabolismik yang akan membuat tinjauan dan penyiasatan. Jika diagnosis dibuat, bayi anda akan diberikan rawatan yang sewajarnya dengan segera. Ia adalah penting untuk mengetahui bahawa kebanyakkan bayi di Singapura mempunyai hasil ujian yang negatif. Penyakit-penyakit yang jarang berlaku ini boleh mengancam nyawa, tetapi ianya boleh dicegah dengan diagnosis dan rawatan yang awal.

Hubungi kami

Untuk keterangan lanjut tentang pemeriksaan metabolismik di Singapura, sila hubungi doktor anda, atau menelefon makmal "National Expanded Newborn Screening" di talian **Tel: 6394-5049**

Anda juga boleh menulis kepada kami di

Metabolic.Newborn.Screening@khh.com.sg

Jika anda melahirkan bayi anda di KKH atau SGH, bayi anda akan menjalani pemeriksaan ini. Harap maklum bahawa anda mempunyai hak untuk tidak mengambil pemeriksaan metabolismik ini. Sila hubungi doktor anda jika laju ini yang anda inginkan.

Jika anda melahirkan bayi anda di hospital selain daripada KKH atau SGH, sila bertanya kepada doktor anda untuk mendapatkan pemeriksaan tersebut.



Imbas di sini untuk maklumat lanjut

Nombor telefon yang berguna

Pusat panggilan temujanji **6294-4050**



KK Women's and Children's Hospital
100 Bukit Timah Road
Singapore 229899
Tel: 6394-5049
Fax: 6394-3773
Website: www.kkh.com.sg
 www.facebook.com/kkh.sg



SingHealth

Pemeriksaan Untuk Bayi Anda Yang Baru Lahir



Reg No 198904227G PLabmsn1019

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®



Permulaan baru pada kehidupan – Tahniah atas kelahiran cahaya mata anda yang baru. Sebagai ibu bapa, kesihatan bayi anda adalah yang paling utama. Untuk memastikan bayi anda mendapat permulaan hidup yang terbaik dan kekal sihat, bayi anda boleh menjalani pemeriksaan untuk lebih daripada 40 penyakit metabolismik yang jarang berlaku.

Walaupun kebanyakan bayi kelihatan sihat sewaktu dilahirkan, mereka mungkin mempunyai risiko untuk mengalami masalah kesihatan yang serius di masa hadapan dalam kehidupan mereka. Ini termasuk masalah pembelajaran kerap jatuh sakit dan juga kematian jika laju penyakit mereka itu tidak dapat dikesan dan dirawat dengan lebih awal

Pengesanan Awal Membolehkan Rawatan Awal

Penyakit-penyakit ini sangat jarang berlaku tetapi boleh berlaku kepada kira-kira satu dalam 3000 kelahiran di Singapura. Dengan memeriksa bayi selepas beberapa hari dilahirkan, gejala penyakit sebegini boleh dirawat awal, sering kali sebelum timbulnya sebarang tanda atau simptom. Risalah ini akan memberikan maklumat tentang perlunya pemeriksaan metabolismik di Singapura, faedah kepada bayi anda, dan jawapan kepada beberapa soalan yang mungkin ada di minda anda.

Penyakit-penyakit yang terdapat dalam pemeriksaan bayi yang baru lahir termasuk:

Kecacatan Metabolik Semulajadi

Apabila badan tidak boleh memecahkan (memetabolismekan) bahan dalam makanan/susu seperti lemak, protein atau gula, ia akan berkumpul dan menjadi toksik untuk badan. Ini boleh mengakibatkan masalah kesihatan yang serius.

Pemeriksaan bayi baru lahir mengesan lebih daripada 30 penyakit metabolismik dalam kategori berikut:

- Gangguan asid organik
- Gangguan Pengoksidaan Asid Lemak
- Gangguan Asid Amino

Penyakit Sistik Fibrosis

Ini adalah satu keadaan genetik yang membawa kepada pengumpulan lendir di dalam pelbagai organ dan mengakibatkan jangkitan dada yang teruk dan merencatkan pertumbuhan.

Hiperplasia Adrenal Kongenital

Ini adalah gangguan produksi hormon yang boleh menjelaskan metabolisme bayi, tindak balas terhadap jangkitan, kebolehan mengatur paras garam dan ciri-ciri jantina.

Keimunokurangan Bercampur Teruk (SCID)

Keadaan ini mengakibatkan kekurangan imuniti yang teruk dan kanak-kanak akan mengalami jangkitan yang teruk.

Galaktosemia

Bayi dengan galaktosemia tidak dapat memproses laktosa di dalam susu dan pencernaan boleh mengakibatkan kegagalan hati.

Kekurangan Biotinidase

Ini adalah gangguan metabolismik di mana badan tidak dapat mengguna semula biotin dan membawa kepada kekurangan. Ini boleh mengakibatkan komplikasi seperti sawan, kelewatan perkembangan dan pergerakan otot yang lemah. Bayi juga boleh mengalami masaalah kulit dan rambut.

Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa walaupun semuanya adalah penyakit yang serius, diagnosis dan rawatan awal dapat membawa kepada hasil yang baik.

Pemeriksaan Yang Kecil Dengan Manfaat Yang Besar

Untuk melakukan pemeriksaan tersebut, sedikit spesimen darah akan diperlukan daripada bayi anda. Beberapa titisan darah akan diserapkan kepada kertas turas khas dengan mencucukkan jarum dengan lembut pada tumit bayi. Spesimen tersebut pula dihantar ke makmal “National Expanded Newborn Screening” untuk dikaji. Spesimen darah boleh diambil daripada bayi anda di antara 1 hari (24 jam) hingga 7 hari selepas dilahirkan. Masa yang terbaik untuk mengambil spesimen adalah di antara 1 hingga 3 hari (24 sehingga 72 jam) selepas dilahirkan.

